

15 SEP 2001

SEA-Hishammuddin(Juara)

EMAS 80 TERCAPAI, MALAYSIA KINI MAHU JADI JUARA SUKAN SEA KE-21

SEREMBAN, 15 Sept (Bernama) -- Juara Sukan SEA ke-21 kini menjadi sasaran baru negara selepas matlamatnya untuk memperolehi 80 pingat emas tercapai, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn.

Menurut beliau, sasaran itu memang tidak ada sebelum ini tetapi dengan semangat "MALAYSIA BOLEH", kita meletakkan pula matlamat untuk muncul sebagai juara.

"Apa yang kita dapat ini adalah bonus, pesaing yang terdekat adalah Thailand, cuma kita nak pastikan kita nak dapat lebih banyak emas daripada Thailand dan ini semua bergantung kepada atlit-atlit kita," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengahari bersama skuad tinju dan perahu layar negara di sini hari ini.

Kata Hishammuddin lagi, percubaan ini akan mencatatkan satu sejarah besar kerana sebelum ini Malaysia tidak pernah menjadi juara dan kejayaan pasukan perahu layar memperolehi empat emas hari ini serta kejayaan enam peninju negara memasuki perlawanan akhir bertemu Thailand esok sangat mengejutkan.

Beliau juga menafikan pencapaian Malaysia kali ini adalah kerana "bernasib baik" sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Terdapat tuduhan dalam internet bahawa Malaysia mencapai kejayaan kerana negara pencabar tradisi seperti Indonesia, Thailand dan Filipina tidak dapat menumpukan perhatian kepada Sukan SEA kerana terpaksa bergelut dengan konflik politik dalaman dan ekonomi masing-masing.

"...tapi negara kita pun gawat dan juga ada masalah. Ini (kejayaan) membuktikan kita patut bersyukur kerana walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah, kita selaku tuan rumah, telah berjaya menunjukkan persembahan terbaik," katanya.

Beliau berkata atlit-atlit negara telah berjuang secara berpasukan dan pengorbanan mereka adalah semata-mata untuk negara dan bukan sekadar untuk menggembirakan menteri atau jurulatih masing-masing.

"...kejayaan ini membuktikan dengan semangat MALAYSIA BOLEH, kita mampu bersaing dengan sesiapa sahaja dan saya berharap rakyat Malaysia akan berdiri di belakang para atlit negara dan memberikan sokongan padu...ini penting," katanya.

Hishammuddin hari ini meluangkan masa bertemu atlit-atlit negara yang mengambil bahagian dalam acara perahu layar dan tinju kerana kagum dengan pencapaian mereka walaupun mengakui sebelum ini negara tidak meletakkan sasaran tertentu bagi acara-acara itu memandangkan pencabar mereka seperti Singapura (perahu layar) dan Thailand (tinju) terlalu kuat.

Beliau yang begitu gembira dengan pencapaian skuad tinju semalam berpendapat peluang Malaysia untuk memperolehi emas bagi acara berkenaan agak cerah berdasarkan senario yang agak positif sekarang.

Hishammuddin berkata komitmen serta semangat tinggi yang ditunjukkan oleh enam peninju negara yang akan mewakili Malaysia ke perlawanan akhir sebagai satu petanda baik untuk mendapatkan pingat emas.

"Enam emas tidak mustahil," katanya.

Thailand merupakan musuh tradisi Malaysia dalam acara tinju. Negara itu mempunyai sekolah-sekolah tinju yang melatih peninju mereka sejak di bangku sekolah lagi dan kehebatan mereka dalam sukan ini memang diakui di Asia.

Malaysia, sebuah negara kecil dalam acara tinju hanya berbekalkan slogan keramat "MALAYSIA BOLEH" yang ditiupkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menaikkan semangat rakyat Malaysia agar tidak

berasa rendah diri serta yakin yang mereka boleh mencapai perkara-perkara yang dianggap mustahil.

Menurut Hishamuddin kejayaan yang dicapai oleh para peninju kita esok akan mengubah masa depan sukan itu di negara ini.

--BERNAMA

SLR SP